

## Kerja baiki jalan ala kadar

**PERMATANG PASIR** - Aktiviti melebar dan menurap jalan sepanjang kira-kira 3 kilometer di Permatang Pasir menghala ke Bukit Jugra disifatkan tidak menepati spesifikasi.

Beberapa aduan diterima Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Permatang Pasir sehingga beliau terpaksa membuat keputusan memanjatkan masalah itu kepada pihak bertanggungjawab.

Ketua Kampung Permatang Pasir, Ramlan Abdul Adi, 52, berkata, laluan itu sering digunakan orang kampung, malah menjadi laluan utama pengunjung luar menikmati kawasan pelancongan di sini.

"Jadi, bila jalan sudah siap diturap... saya nampak ada keadaan jalan tak sesuai. Pelebaran jalan juga dilihat tak sekata. Saya pelik, sepatutnya saiz lebar jalan tu boleh dibesarkan tapi dikedilkan sampai kenderaan yang nak lalu kawasan tu sempit," katanya.

Ramlan berkata, jika pembaikan jalan itu sudah siap semestinya bonggol dicat supaya pemandu dapat lihat.

"Tapi, ni tidak bonggol yang ada tak nampak langsung, malah beri masalah kepada pemandu terutama penunggang motosikal. Sebagai ketua kampung, saya pun tak dimaklumkan mengenai penambahbaikan projek tersebut. Apabila beberapa pen-



Ramlan menunjukkan keadaan jalan yang diturap dan dilebarkan tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan.

tidak maklumkan masalah itu, baru saya perasan.

"Bagi saya, kalau nak baiki jalan atau turap semula laluan, ia perlu dilakukan dengan sempurna bukannya ala kadar, sebab kawasan ini kawasan tumpuan ramai. Jadi, kenalah buat baik-baik," katanya.

Seorang pengawal keselamatan balai ceper anak bulan Bukit Jugra, Zulfitri Nazir, 45, berkata, dia yang setiap hari pergi dan balik kerja melalui jalan Bukit Jugra tidak berpuas hati dengan keadaan kerja melebar dan me-

nurap jalan tersebut.

"Saya bimbang kalau keadaan itu boleh mengakibatkan risiko kemalangan walaupun ia bukanlah nampak masalah yang serius tapi boleh bagi masalah," katanya.

Seorang penduduk, Radzi Janin, 39, berkata, dia difahamkan tanah yang dikorek untuk pelebaran jalan tidak dibuang dan hanya dilonggokkan di tepi parit.

"Manakala aspek keselamatan pengguna jalan raya juga tidak diambil berat," katanya.

## MDKL keluar notis lesen perniagaan bagi 2017

**BANTING** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mengeluarkan notis pemberitahuan lesen perniagaan tahun 2017.

Mana-mana peniaga yang terlibat diminta membawa lesen 2016, gambar pasport dan dokumen sokongan yang berkaitan bermula dari 1 November hingga 31 Disember 2016. MDKL berharap mereka yang terlibat dapat menjelaskan pembaharuan lesen sebelum tindakan penguatkuasaan dikenakan.

## Mencari cinta abadi bersama PU Hafiz

**TANJUNG SEPAT** - Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Daerah Kuala Langat akan diadakan di Masjid Jamilul Muhsinin di Kampung Tanjung Sepat.

Program yang akan berlangsung Jumaat ini jam 6.30 petang itu menampilkan penceramah PU Hafiz dengan tajuk ceramah Hijrah: Istiqamah Mencari Cinta Abadi.

## Peladang didedah ilmu kecantikan

**SIJANGKANG** - Demo Rawatan Muka anjuran Unit Peladang Sijangkang (UPS) yang dianjurkan di Anjung Budi Kampung Sijangkang, Ahad lalu memberi peluang kepada wanita yang juga ahli peladang mempelajari aspek kecantikan.

Ketua UPS, Abdul Razak Khasbullah berkata, program itu bakal dianjurkan lagi sekiranya mendapat sambutan.

## Hadang jalan masuk dengan kon

**BANDAR BARU SALAK TINGGI** - Tindakan penduduk sebuah taman perumahan di Bandar Baru Salak Tinggi yang mengadang jalan masuk menggunakan kon mengakibatkan rasa tidak puas hati orang awam.

*Sinar Harian* difahamkan, pelbagai pihak membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Sepang berkaitan tindakan penduduk yang tidak bertanggungjawab itu.

Keadaan itu boleh memberi masalah kerana ia bukanlah laluan persendirian.

## Krisis air: Proses pemulihan dalam pelaksanaan

**KUALA LANGAT** - Gangguan bekalan air tidak berjadual disebabkan henti tugas sementara loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih menyebabkan beberapa kawasan sekitar Kuala Langat dan Sepang berdepan dengan masalah air.

Dalam satu kenyataan

daripada Air Selangor, LRA Sungai Semenyih telah kembali beroperasi dan proses meningkatkan paras kolam-kolam utama sedang dilaksanakan sebelum proses agihan dan pemulihan berperingkat dapat dilaksanakan.

Pihak itu telah menggerakkan aset dan bantuan lori tangki

air kepada pengguna terjejas dan akan mengemas kini status terkini dari masa ke semasa.

Pengguna dinasihatkan muat turun aplikasi mySyabas di Google Playstore/Appstore atau melayari [www.syabas.com.my](http://www.syabas.com.my) untuk info terkini.

Sebelum ini, lebih 50,000 pengguna di Kuala Langat ber-

depan masalah gangguan air sehingga terpaksa menunggu air tangki yang disalurkan lori tangki Syabas.

Bagaimanapun, tidak sampai sebulan, masalah sama berulang sehingga menyebabkan kebimbangan pelbagai pihak disebabkan pencemaran air yang berlaku.

# 'Saya terpaksa guna wang sendiri'

Bapa kepada dua pelumba sukan motor mohon tajaan seperti yang pernah dijanjikan

**BUKIT TADOM** - Seorang bapa kepada dua pelumba muda Orang Asli di Bukit Tadam, Banting berharap ada pihak dapat menaja kedua anaknya yang melibatkan diri dalam sukan permotoran seperti yang pernah dijanjikan pelbagai pihak.

Hadi anak Jembik berkata, Exco Kerajaan Negeri, Amirudin Shari pernah memaklumkan pelbagai usaha sedang dilakukan bagi menyelesaikan isu penajaan Azrul Affendi Hadi, 20, dan adiknya, Atzil Azri, 14, dalam masa terdekat.

Bagaimanapun menurutnya, sehingga kini, masih tiada

apa-apa berita walaupun pasukan OA Racing Team yang dianggotai anak-anaknya meraih pelbagai kejuaraan sebelum ini.

"Sebelum ni saya terpaksa guna wang sendiri hantar anak masuk pelbagai pertandingan."

"Saya tak kisah nak taja berapa tapi kalau dah janji mesti tunaikan."

"Apa yang saya tahu sebelum ini, kerajaan negeri pernah bagi rahu isu penajaan dapat diselesaikan dan sumbangan ringkasan beban bagi pelumba akan disalurkan dalam masa terdekat," katanya.

Hadi berkata, pelbagai usa-

ha dilakukan bagi mendapatkan tajaan termasuk turut membuat permohonan daripada Kementerian Belia dan Sukan.

"Saya fikir anak saya antara pelumba motosikal dalam kalangan Orang Asli pertama dan sentiasa dapat kedudukan tempat terbaik manakala Atzil Azri pula dalam Yamaha One Make Race 2016."

"Saya harap sangat ada pihak taja anak saya, sebab dunia permotoran dah jadi darah daging mereka," katanya.

Sementara itu, Azrul ketika ditemui berkata, dia gembira apabila kerajaan negeri pernah berjanji bakal menentanghkan

dirinya sebagai ikon belia dalam kalangan Orang Asli.

"Buat sementara waktu, saya bekerja di kampung, nak tambah pendapatan, sementara tunggu perlumbaan pusingan kesembilan di Jempol, Negeri Sembilan pada 22 hingga 23 Oktober nanti."

"Apa yang saya harapkan ada pihak bantu sebab bapa saya dah banyak berkorban cari tajaan walaupun terpaksa jumpa pelbagai pihak," katanya.

Sementara itu, Amirudin ketika dihubungi berkata, beliau akan memberi maklum balas mengenai isu berkenaan dalam masa terdekat.



Azrul (kiri) bersama Hadi menunjukkan sebahagian piala yang pernah dimenangnya.





**KUALA LUMPUR** Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bersama Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin (tiga, kanan) dan Presiden Petronita, Datin Dr Azura Ahmad Tajuddin (dua, kanan) menyertai acara Orchid Fun Run & Ride di Persiaran KLCC, baru-baru ini.



**PULAU CAREY** Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi menyampaikan sumbangan bencana kepada sebuah keluarga dari Kampung Orang Asli Sungai Rambai yang dilanda banjir, baru-baru ini.



**GOMBAK** Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan (tengah) meraihan Majlis Jamuan Makan Malam sempena Pesta Tanglung di Pasar Moden Taman Sri Gombak.



**BANTING** Pasukan Kelamin (baju biru) dan Bujang (merah) merakam kenangan pada program Bolasepak Tahunan Pemuda Sri Perantau Fasa 2, Klang Edisi ke-10 yang berlangsung di Stadium Jugra. Pada pertandingan itu, pasukan Kelamin muncul juara.

**KUALA LANGAT** Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif bersama sebahagian kakitangan Pejabat Perikanan Daerah dan Negeri Selangor menunjukkan isyarat bagus selepas melepaskan anak ikan air tawar di Dataran JPS Sungai Langat di Jenderam Hilir. Program yang bertujuan meningkatkan populasi ikan itu diharap dapat menggalakkan aktiviti rekreasi perikanan di Sungai Langat selain meningkatkan pendapatan penduduk sekitar.



**PETALING JAYA** Penduduk di pangapuri Sri Aman Jalan SSI/39 bergambar bersama selepas sesi gotong-royong membersihkan kawasan sekitar. Hadir sama, Ketua Umno Cawangan Taman Aman Bahagian PJU, Azmi Ismail dan Pengerusi Badan Pengurusan Penduduk, Baharuddin Abdul Ghani.



**Jom KLIK!**

Pembaca boleh berkongsi aktiviti komuniti di kawasan anda dengan menghantar gambar yang jelas beserta maklumat ringkas: Tarikh, nama tempat, tajuk program, nama kumpulan atau individu yang terdapat dalam gambar. Pengirim boleh emailkan kepada: mohd.hanafiah@sinarharian.com.my